

# **FAQ PELAPORAN PENTAKSIRAN SEKOLAH RENDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## **BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**

### **PENTAKSIRAN BILIK DARJAH**

#### **S1 Apakah PBD?**

J1 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dan membantu guru membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan pembelajaran murid dari semasa ke semasa serta merancang pengubahsuaian kaedah pengajarannya.

#### **S2 Bila PBD bermula?**

J2 PBD dahulunya dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah (PS) bermula pada tahun 2011. Pada tahun 2016 PS mula dikenali sebagai PBD.

### **S3 Apakah perbezaan PBD dan PBS?**

J3 **PBS** ialah Pentaksiran Berasaskan Sekolah, suatu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani). Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, terdapat empat komponen dalam PBS iaitu Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum (PAJSK), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

**PBD** pula ialah pentaksiran yang berlaku secara berterusan sepanjang PdP, bagi semua mata pelajaran. PBD bukanlah untuk membandingkan tahap penguasaan murid, tetapi bertujuan untuk membantu dalam perkembangan pembelajaran murid di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka.

### **S4 Apakah mata pelajaran yang terlibat dengan PBD?**

J4 Semua mata pelajaran KSSR (Semakan 2017) Tahun 1 hingga Tahun 6.  
Semua mata pelajaran KSSM Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Namun begitu, pelaporan PBD di peringkat menengah hanya dilakukan mulai Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3.

## **S5 Mengapa PBD penting?**

J5 PBD dapat membantu guru dalam:

- Menggalakkan pemikiran ingin tahu (inquisitive), kritis dan kreatif
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran
- Menerapkan nilai ketuhanan, nilai murni, estetika dan patriotisme
- Mengesan perkembangan murid secara menyeluruh
- Merancang dan mengubah suai kaedah pengajaran
- Mengetahui keberkesanan pengajarannya
- Mengambil tindakan susulan yang sesuai dengan serta merta

## **S6 Bagaimana PBD dilaksanakan?**

J6 PBD dilaksanakan secara berterusan semasa proses PdP sepanjang tahun. PBD dilaksanakan melalui pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, penulisan, lisan, kerja projek, kuiz, pembentangan dan lain-lain aktiviti pembelajaran, berdasarkan Standard Prestasi dan pertimbangan profesional guru.

## **S7 Apakah pertimbangan professional?**

## **S8 Bagaimana PBD dilaporkan?**

J8 Tahap penguasaan murid dalam PBD direkod dalam templat yang telah disediakan dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Jaminan Kualiti PBD di peringkat sekolah, kepada murid dan ibu bapa.

**S9 Siapakah Jawatankuasa Jaminan Kualiti PBD?**

J9 Jawatankuasa ini dibentuk oleh pihak sekolah, yang di anggotai:

- Pengetua/Guru Besar
- Penolong Kanan Pentadbiran
- Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
- Penolong Kanan Ko Kurikulum
- Penolong Kanan Petang
- Penolong Kanan Pendidikan Khas
- Guru Kanan Mata Pelajaran/Ketua Bidang
- Ketua Panitia
- Guru Cemerlang
- Jurulatih Utama
- Mana-mana guru yang dilantik oleh Pengetua/ Guru Besar/JK PBS

**S10 Berapa kerap PBD perlu dilaporkan?**

J10 Sekurang-kurangnya 2 kali setahun

**S11 Apakah saluran yang disediakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan PBD?**

- J11
- Buku Panduan
  - Laman sesawang <http://bpk.moe.gov.my>
  - JPN
  - PPD